

Isu-Isu Kesejahteraan Hidup Belia Felda di Malaysia

Felda Youth Wellbeing Issues in Malaysia

Noranifitri Md Nor^{*1}, Siti Sarawati Johar², Harliana Halim^{2*}, Nur Azah Razali

¹ Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Sosial/ Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja/Batu Pahat Johor, MALAYSIA

*Pengarang Utama: norani@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.02.008>

Maklumat Artikel

Diserah: 26 September 2024

Diterima: 30 November 2024

Diterbitkan: 10 Disember 2024

Kata Kunci

Kesejahteraan Hidup, Belia, Felda

Abstrak

Dewasa ini, kajian-kajian berkaitan kesejahteraan hidup kerap dijalankan oleh pengkaji-pengkaji. Kesejahteraan hidup bukan dilihat di kalangan komuniti dan masyarakat bandar sahaja. Malahan mencakupi komuniti dan masyarakat luar bandar. Kesejahteraan belia luar bandar di Malaysia merupakan aspek penting dalam pembangunan negara. Kawasan luar bandar sering menghadapi pelbagai cabaran yang boleh memberi kesan kepada kualiti hidup dan masa hadapan golongan muda. Artikel ini meneroka pelbagai aspek kesejahteraan dalam kalangan belia luar bandar di Malaysia terutama belia Felda dalam pelbagai aspek termasuklah aspek ekonomi dan bukan ekonomi dan mencadangkan penyelesaian yang berpotensi untuk penambahbaikan.

Keywords

Wellbeing, Youth, Felda

Abstract

Nowadays, studies related to well-being are often conducted by researchers. Well-being is not only seen among urban communities and societies. In fact, it includes rural communities and societies. The well-being of rural youth in Malaysia is an important aspect of national development. Rural areas often face various challenges that can affect the quality of life and future of young people. This article explores various aspects of well-being among rural youth in Malaysia, especially Felda youth, in various aspects including economic and non-economic aspects and suggests potential solutions for improvement.

1. Pendahuluan

Kesejahteraan hidup menurut laporan mengukur kesejahteraan negara United Kingdom 2012 adalah membincangkan aspek-aspek ekonomi, manusia dan alam sekitar. Untuk memberikan gambaran lengkap mengenai kesejahteraan hidup masyarakat dalam sesebuah negara perlu melibatkan pelbagai aspek dan tidak harus berdasarkan pertimbangan ekonomi sahaja. Menurut Randall et.al (2012) maklumat-maklumat yang dibentangkan dalam Laporan mengukur kesejahteraan negara United Kingdom 2012 termasuklah kadar pengangguran, kadar jenayah, pemikiran dan perasaan rakyat.

Di Malaysia, kesejahteraan hidup masyarakat diukur menggunakan Indeks Kualiti Hidup Malaysia. Kualiti hidup umumnya ditentukan oleh dua jenis penunjuk iaitu objektif dan subjektif. Menurut Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam (2011) penunjuk objektif diperoleh daripada data-data statistik terkumpul seperti tempat penduduk tinggal dan melibatkan isu berhubung dengan kemudahan dan perumahan. Penunjuk subjektif pula menerangkan mengenai pandangan atau penilaian seseorang mengenai hidupnya. Menurut Diener et.al (2000) penilaian kualiti hidup berdasarkan penunjuk ekonomi dan sosial perlu ditambah dengan langkah-langkah kepuasan hidup. Kesejahteraan hidup adalah kualiti hidup yang subjektif kerana menurut (Norizan, 2003) dalam (Mohd Shaladdin et al.,2006) dalam (Haryati Shafii dan rakan-rakan, 2011), kesejahteraan merupakan kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Ini jelas menunjukkan bahawa kualiti hidup bukan sahaja mencakupi pembangunan ekonomi, malahan ia juga meliputi aspek sosial, psikologi, kebudayaan dan alam sekitar. Kesejahteraan dikukuhkan lagi oleh definisi *Malaysian Well-being Report 2013* yang bermaksud fizikal, sosial dan faedah-faedah ekonomi yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup, kepuasan individu, keluarga dan masyarakat.

2. Kajian-kajian Lepas

Kini, di Malaysia, kesejahteraan diukur berdasarkan kesejahteraan ekonomi dan sosial. Sehingga tahun 2012, kesejahteraan ekonomi meningkat melebihi kesejahteraan sosial. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang telah diterbitkan buat pertama kalinya pada tahun 1999 telah ditambahbaik kepada Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM). IKHM yang ditubuhkan dahulu adalah bertujuan untuk mengukur secara kuantitatif pencapaian negara dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. IKRM pula dibangunkan untuk memberi gambaran mengenai tahap kesejahteraan rakyat menggunakan 14 komponen yang meliputi aspek ekonomi dan sosial.

Kajian ini melihat pelbagai aspek termasuklah aspek ekonomi, sosial, kemahiran, keselamatan, kesihatan, komunikasi dan persekitaran dalam mencapai kesejahteraan hidup. Menurut Zaimah et.al (2012) kualiti hidup dan kesejahteraan merupakan suatu konsep yang saling memerlukan, namun ia dapat dibezakan melalui cara pengukuran iaitu kualiti hidup diukur secara objektif dan kesejahteraan diukur berdasarkan subjektif. Kebanyakan kajian kini lebih terarah kepada konsep kualiti hidup berdasarkan pengertian subjektif.

Dalam kajian ini, konsep kesejahteraan hidup diukur dengan menggunakan dimensi objektif dan subjektif. Oleh sebab kesejahteraan sosial memberikan maksud yang begitu luas meliputi perlakuan manusia bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik dan berkualiti. Kesejahteraan sosial tidak hanya diukur secara ekonomi dan fizikal semata-mata, tetapi perlu menekankan aspek sosial, mental dan spiritual. Ini bermaksud, kesejahteraan sosial yang perlu dicapai dapat dijelaskan bahawa keadaan sejahtera sesuatu masyarakat merangkumi kesihatan, keadaan ekonomi, kebahagiaan dan kualiti hidup rakyat.

Kajian ini menggunakan dua dimensi kesejahteraan sosial seperti dikemukakan oleh Sheldon & Land (1972) iaitu objektif melibatkan keadaan individu dan masyarakat dan aspek subjektif kesejahteraan sosial yang merangkumi perkara yang memberi kesan terhadap diri seseorang iaitu tanggapan pengalaman hidup. Kajian ini menggunakan persepsi atau reaksi generasi kedua FELDA terhadap kesan yang diterima oleh kemasukan pekerja asing ekoran pembangunan industri perladangan.

Kajian berkenaan persepsi telah lama digunakan di dalam kajian Sains Sosial. Kebanyakan pengkaji persepsi dalam Sains Sosial berminat untuk mengkaji bagaimana cara manusia membuat sesuatu tanggapan berkaitan dengan persekitaran dan alam sosial mereka dan apakah faktor yang memberi kesan yang mendalam kepada kaitan dan hubungan antara pemikiran dan perilaku yang akhirnya melahirkan suatu persepsi. Ini bermaksud bahawa semua keputusan dan pemikiran yang akhirnya melahirkan persepsi adalah hasil daripada kesinambungan sebab dan musabab yang diikuti dengan proses pengukuran yang sistematik.

Menurut Ruut Veenhoven (2008), subjek kesejahteraan subjektif berlaku dalam bidang sosiologi. Kesejahteraan hidup adalah tema biasa yang digunakan dalam bidang sosiologi, namun baru-baru ini, kesejahteraan subjektif menjadi tema dalam perbandingan sosiologi dan kajian indikator sosial. Pengkaji terdahulu seperti Diener (1997), menyatakan bahawa kesejahteraan positif adalah berdasarkan kehidupan positif dan perasaan yang baik iaitu seseorang dikatakan mempunyai kesejahteraan subjektif tinggi sekiranya dia mengalami kepuasan hidup dan kegembiraan yang kerap dan jarang mempunyai pengalaman emosi yang tidak menyenangkan seperti kesedihan atau kemarahan. Sebaliknya, seseorang dikatakan mempunyai kesejahteraan subjektif yang rendah sekiranya dia tidak berpuas hati dengan kehidupan, sedikit pengalaman tentang kegembiraan dan kasih sayang dan sering berasa emosi negatif seperti marah atau kebimbangan.

Penyelidikan petunjuk atau indikator sosial sering mengambil berat dengan kualiti hidup dalam masyarakat. Ia tertumpu kepada konsep bagaimana rakyat hidup iaitu tahap hidup sama ada kehidupan menjadi lebih baik atau tidak. Kualiti hidup difahami dalam dua cara iaitu kualiti kehidupan objektif dan subjektif. Kualiti kehidupan objektif adalah sejauh mana kehidupan diperhatikan dan dinilai berdasarkan cara pengukuran hidup yang baik seperti jaminan pendapatan untuk semua orang, keselamatan di jalan raya, penjagaan kesihatan yang baik, pendidikan dan lain-lain konteks.

Kualiti kehidupan subjektif adalah bagaimana orang menghargai kehidupan mereka secara peribadi. Sebagai contoh, bagaimana perasaan selamat mereka fikir tentang pendapatan mereka, bagaimana perasaan selamat mereka rasa di jalan, bagaimana perasaan mereka dengan kesihatan mereka dan pendidikan, dan lain-lain. Di sini, awalan 'subjektif' bermakna bahawa kriteria untuk penghakiman boleh berbeza-beza dari seorang ke seorang. Penilaian subjektif sering melibatkan pertimbangan dari segi 'kepuasan'. Kepuasan adalah satu konsep yang penting dalam penyelidikan mengenai subjektif kualiti hidup.

Kajian ini melibatkan belia yang terdiri daripada generasi kedua FELDA. Generasi Kedua FELDA adalah merupakan anak-anak peneroka atau belia FELDA. Kebanyakan generasi pertama FELDA yang telah meninggal dunia diambil oleh generasi kedua FELDA untuk meneruskan usaha dan tenaga menerajui sektor perladangan. Bagi kajian ini, generasi kedua FELDA yang merupakan generasi pelapis yang meneruskan legasi peneroka FELDA perlu dilihat dari aspek kesejahteraan hidup mereka ekoran kehidupan sebagai warga FELDA yang turut menerima pelbagai cabaran dalam kehidupan.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menganalisis kesejahteraan hidup generasi kedua FELDA berdasarkan persepsi generasi kedua FELDA. Kesejahteraan hidup dilihat berdasarkan kualiti kehidupan subjektif, iaitu bagaimana generasi kedua FELDA menghargai kehidupan mereka secara peribadi. Sebagai contoh, bagaimana perasaan selamat mereka fikir daripada aspek pendapatan atau ekonomi mereka, kesihatan, kebersihan, keselamatan, kemahiran, sosial dan komunikasi mereka. Pendekatan yang diguna pakai dalam kajian ini adalah satu pendekatan penyelidikan kualitatif. Kaedah kualitatif adalah dengan menggunakan pendekatan melalui temu bual. Kaedah kajian yang berunsurkan kualitatif merupakan kaedah kajian temu bual dengan responden terpilih di lokasi kajian yang tertentu. Teknik temu bual bertujuan untuk mendapatkan data secara asas dan jelas kerana temu bual dijalankan dalam kalangan generasi kedua FELDA.

4. Dapatan Kajian

Kesejahteraan hidup pada umumnya merujuk kepada penilaian hidup manusia sama ada semakin baik atau sebaliknya. Pada kebiasaannya, kesejahteraan hidup diukur dengan menggunakan petunjuk ekonomi, namun begitu dalam kajian ini kesejahteraan hidup diukur dengan petunjuk-petunjuk selain ekonomi seperti pendapatan dan pengagihan, persekitaran pekerjaan, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, perumahan, alam sekitar, dan kehidupan. Dalam kajian ini, kesejahteraan hidup diukur dengan menggunakan petunjuk seperti ekonomi, kesihatan, kebersihan, keselamatan, kemahiran, sosial dan komunikasi. Petunjuk ekonomi meliputi upah buruh (gaji), harga barangan (keperluan), petunjuk sosial meliputi interaksi, masalah sosial, masalah jenayah, budaya, petunjuk kebersihan termasuklah tahap pencemaran air, tahap pencemaran udara, kebersihan persekitaran dan kebersihan tempat tinggal, petunjuk keselamatan meliputi kekerapan jenayah, keselamatan diri, keselamatan keluarga dan keselamatan persekitaran (penduduk setempat). Kemahiran pula termasuk latihan/ kursus, bantuan/ sokongan dan kemudahan teknologi. Kesihatan meliputi wabak/ bawaan penyakit, kelahiran dan kematian. Impak komunikasi meliputi suasana persekitaran dan kerapatan. Melalui persepsi generasi kedua FELDA, isu-isu yang timbul berkaitan kesejahteraan hidup adalah Isu-isu berkaitan generasi kedua FELDA kini lebih tertumpu pada kelangsungan hidup sebagai pewaris peneroka-peneroka FELDA. Hal ini adalah kerana peneroka-peneroka sudah tidak berdaya untuk meneruskan kerja-kerja ladang dan ramai peneroka yang sudah meninggal dunia. Peneroka yang masih hidup kini tidak lagi mampu untuk bekerja dalam ladang yang memerlukan kekuatan fizikal. Oleh sebab terhad kekuatan fizikal, menyebabkan peneroka dan pihak FELDA memilih untuk mengambil pekerja asing untuk melaksanakan kerja-kerja ladang. Isu yang timbul adalah apabila pengambilan pekerja asing dalam pengurusan aktiviti perladangan adalah semakin meningkat dan tidak memberi peluang kepada pekerja tempatan yang terdiri daripada generasi kedua. Peningkatan pengambilan pekerja asing dalam kawasan FELDA memberikan pelbagai kesan sehingga menjejaskan kesejahteraan hidup generasi kedua FELDA. Fokus kajian ini melihat kesejahteraan hidup generasi kedua FELDA dan mengkaji impak yang diterima oleh generasi kedua sehingga menjejaskan kualiti hidup mereka kerana faktor kemasukan pekerja asing yang semakin ramai saban tahun.

Terdapat beberapa cadangan penyelesaian yang berpotensi diamalkan oleh pengurusan FELDA. Antaranya aspek ekonomi dan bukan ekonomi iaitu Penekanan kepada aspek ekonomi adalah seperti pengurusan FELDA boleh merangka kaedah yang bersesuaian bagi meningkatkan peluang pekerja tempatan dengan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk belia FELDA melalui pembangunan pelbagai industri di FELDA. Pengurangan kebergantungan kepada pekerja asing juga boleh meningkatkan peluang pekerjaan untuk belia tempatan. Selain itu, penyediaan latihan dan insentif kewangan khusus untuk belia FELDA adalah sangat digalakkan bagi memperkukuh kebolehan mereka dalam sektor-sektor yang banyak diisi oleh pekerja asing. Kini, belia FELDA disarankan dan mempunyai peluang cerah untuk terlibat dalam sektor-sektor lain seperti perniagaan atas talian, pelancongan desa, dan pertanian bersifat organik untuk mengurangkan pergantungan kepada satu sumber

pendapatan sahaja. Bagi aspek sosial, satu program bersifat integrasi boleh dilakukan di kalangan komuniti Felda iaitu melibatkan belia Felda dan pekerja asing bagi memupuk perpaduan dan pemahaman antara kedua-dua kumpulan. Aktiviti-aktiviti seperti gotong-royong, sukan, dan kebudayaan juga boleh dianjurkan untuk menyediakan ruang yang selamat dan positif bagi belia Felda bersosial dan berinteraksi. Aspek kemahiran yang perlu ditekankan adalah menyediakan latihan kemahiran serta teknologi dalam sektor perladangan agar belia lebih bersedia menghadapi cabaran-cabaran yang ada dalam pekerjaan berasaskan perladangan.

Aspek keselamatan pula, pengurusan Felda perlu menyediakan langkah-langkah keselamatan yang lebih baik seperti pemasangan lampu jalan, rondaan keselamatan, dan pembentukan komuniti keselamatan. Ini penting untuk mengurangkan jenayah dan meningkatkan keselamatan dalam kalangan belia Felda. Selain itu, Felda boleh menjamin keselamatan pekerjaan belia Felda dengan menyediakan kontrak pekerjaan yang adil dan perlindungan hak pekerja. Ini termasuk mengawasi majikan untuk memastikan mereka mematuhi undang-undang pekerjaan. Bagi aspek kesihatan, meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan sangat diperlukan dengan membina lebih banyak klinik kesihatan dan menyediakan perkhidmatan kesihatan bergerak di kawasan Felda. Pelbagai kempen boleh diadakan seperti kempen kesihatan dan kecergasan yang menggalakkan gaya hidup sihat dan program lain seperti senamrobik, yoga, dan sukan komuniti agar dapat membantu meningkatkan kesihatan fizikal dan mental. Bagi aspek komunikasi, latihan boleh dibuat seperti menyediakan latihan kemahiran komunikasi untuk belia Felda, termasuk kemahiran interpersonal, kepimpinan, dan komunikasi digital. Ini dapat meningkatkan keyakinan diri dan kemampuan mereka untuk berinteraksi dengan lebih baik dan aspek persekitaran pula meliputi pemuliharaan alam sekitar seperti menggalakkan belia Felda untuk terlibat dalam aktiviti pemuliharaan alam sekitar seperti penanaman pokok, pembersihan sungai, dan pengurusan sisa. Pendidikan alam sekitar boleh dijalankan untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar.

5. Rumusan

Kesejahteraan belia luar bandar di Malaysia merupakan isu pelbagai aspek yang memerlukan pendekatan menyeluruh. Dengan menangani cabaran yang dihadapi oleh belia luar bandar dan melaksanakan penyelesaian yang disasarkan, kita boleh meningkatkan kualiti hidup mereka dan memastikan masa depan yang lebih cerah untuk generasi akan datang.

Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Sains Sosial dan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum UTHM atas kesudian menyokong penerbitan artikel kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Kesemua penulis telah menyumbangkan idea dalam penulisan ini.

Rujukan

- Diener, E., Scollon, C. K., Oishi, S., Dzokoto, V., & Suh, E. M. (2000). Positivity and the construction of life satisfaction judgments: Global happiness is not the sum of its parts. *Journal of Happiness Studies: An Interdisciplinary Periodical on Subjective Well-Being*.
- Haris Abd Wahab. (2010). *Social Welfare and Community Development: Approaches and Indicator*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Haris Abd Wahab. (2010). *Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Serantau Islam Dan Kesejahteraan Sejahter.
- Haryati Shafii & Nurasyikin Miskam. 2011. Pembentukan penunjuk dan indeks kualiti hidup bagi mengukur kesejahteraan hidup masyarakat di Pekan Parit Raja, Johor.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020. Diperolehi daripada DOSM pada 1 Oktober 2011.

Veenhoven, R. (2006a). Quality of life research. In C. D. Bryant & D. L. Peck (Eds.), *Handbook of 21st century sociology*. New York: Sage.